

## Bajet Negeri Melaka 2026

# Ekonomi berdisiplin, pembangunan mampan teras negeri

Secara keseluruhan, Belanjawan Negeri Melaka 2026 memperlihatkan satu pendekatan ekonomi yang berdisiplin, pragmatik dan berpandangan jauh.



Prof. Madya Dr. Abdul Rahim Ridzuan  
Ahlil Tetap Institute for Big Data Analytics  
and Artificial Intelligence (IBDAAI)  
Universiti Teknologi MARA

BAJET Negeri Melaka 2026 mencerminkan satu pendekatan ekonomi yang pragmatik dan selari dengan realiti kedudukan fiskal sebuah negeri kecil yang mempunyai ruang hasil terhad.

Tanpa bergantung kepada retorik pembangunan berskala besar, belanjawan ini memberi tumpuan kepada pengurusan kewangan yang berdisiplin serta pengagihan sumber secara terpilih kepada sektor yang mempunyai kesan ekonomi nyata.

Pendekatan ini menunjukkan kesedaran kerajaan negeri terhadap kekangan fiskal sedia ada serta keperluan mengekalkan kestabilan kewangan jangka sederhana dan panjang.

Dari perspektif fiskal, Bajet Melaka 2026 jelas mengutamakan perbelanjaan berimpak tinggi berbanding perbelanjaan simbolik atau projek mega yang berisiko. Keutamaan diberikan kepada penguatkuasaan asas ekonomi negeri, peningkatan produktiviti, dan penambahbaikan kecekapan pentadbiran.

Strategi ini mencerminkan pilihan dasar yang rasional, di mana kerajaan negeri menumpukan kepada pulangan ekonomi dan sosial yang boleh diukur, bukannya pembangunan bersifat kosmetik.

Secara keseluruhan, belanjawan ini memperlihatkan usaha mengimbangi keperluan pembangunan dengan keperluan mengekalkan disiplin fiskal dalam persekitaran ekonomi yang masih tidak menentu.

### Memperkuh Ekonomi Domestik dan Pelaburan

Antara teras utama Bajet ialah pemerksaan sektor ekonomi sebenar. Dalam bidang perancangan ekonomi, kewangan, pelaburan dan perindustrian, kerajaan

negeri memperuntukkan perbelanjaan yang signifikan bagi menarik pelaburan serta merangsang aktiviti ekonomi tempatan.

Antaranya termasuk peruntukan RM50 juta bagi pembangunan Zon Ekonomi Anjung Selatan (ZEAS) dan RM50 juta untuk pembangunan Hospital Baharu Melaka, yang bukan sahaja meningkatkan kemudahan kesihatan, malah merangsang aktiviti ekonomi sokongan seperti pembinaan, perkhidmatan dan pekerjaan tempatan.

Selain itu, inisiatif Invest Melaka Berhad menerima peruntukan RM500,000, bertujuan memperkukuh promosi pelaburan, memudah cara pelabur dan meningkatkan kadar realisasi pelaburan. Dalam jangka pendek, perbelanjaan ini merangsang aliran tunai dalam ekonomi negeri. Dalam jangka panjang pula, ia meningkatkan kepercayaan Melaka untuk menarik pelaburan bernilai tambah tinggi dan menjana pekerjaan berkualiti.

### Keusahawanan dan PMKS sebagai Enjin Pertumbuhan

Bajet 2026 memberi penekanan jelas kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Melalui portfolio pembangunan usahawan, koperasi dan hal ehwal pengguna, kerajaan negeri memperuntukkan pelbagai skim sokongan termasuk Program Pembangunan Usahawan (RM300,000), Anugerah Usahawan (RM160,000), Program Jelajah Usahawan (RM300,000) serta Program Pemerkasaan Koperasi (RM300,000).

Langkah ini memberi kesan segera kepada peningkatan aktiviti perniagaan kecil dan pendapatan usahawan tempatan. Dalam jangka panjang, sokongan berterusan kepada PMKS membantu membina struktur ekonomi yang lebih berdaya tahan, kurang bergantung kepada sektor tunggal dan mampu mengekalkan pertumbuhan walaupun berdepan kejutan ekonomi global.

### Pelaburan Modal Insan dan TVET

Bajet Melaka 2026 juga memberi tumpuan besar kepada pembangunan modal insan. Dalam sektor pendidikan dan TVET, peruntukan seperti RM1 juta untuk Inisiatif Kemasukan Golongan B40 ke TVET, RM2 juta bagi Pemerkasaan TVET Tahfiz, dan RM500,000 untuk pembangunan tenaga mahir menunjukkan kesungguhan kerajaan negeri menangani isu ketidakpadanan kemahiran.

Dari perspektif ekonomi, pelaburan



ini bukan sekadar perbelanjaan sosial. Dalam jangka pendek, ia meningkatkan kebolehpasaran belia dan mengurangkan tekanan pengangguran. Dalam jangka panjang, ia meningkatkan produktiviti buruh, menarik pelaburan berintensifkan kemahiran, serta menyokong peralihan Melaka ke arah ekonomi bernilai tambah tinggi.

### Infrastruktur, Digitalisasi dan Kecekapan Pentadbiran

Dalam sektor infrastruktur dan kemudahan awam, peruntukan seperti RM9.7 juta bagi projek tebatan banjir, RM6.9 juta untuk naik taraf jalan, serta pelaburan dalam digitalisasi kerajaan seperti Sistem e-Rakyat Negeri Melaka (RM650,000) dan WiFi Percuma (RM450,000) mencerminkan pendekatan menyeluruh kerajaan negeri. Kesan jangka pendeknya ialah peningkatan kualiti hidup rakyat dan kelancaran aktiviti ekonomi.

Dalam jangka panjang, kecekapan infrastruktur dan pentadbiran mengurangkan kos menjalankan perniagaan (cost of doing business) dan meningkatkan daya saing negeri sebagai lokasi pelaburan.

### Kelestarian Sosial dan Ekonomi

Bajet 2026 turut menyeimbangkan di-

mensi sosial dan ekonomi melalui peruntukan kebijakan seperti Bantuan Mesra (RM11.4 juta), Bantuan Warga Emas (RM5 juta) dan Bantuan Orang Kurang Upaya (RM2.1 juta).

Walaupun bersifat perlindungan sosial, perbelanjaan ini sebenarnya menyokong kestabilan permintaan domestik dan daya tahan ekonomi rakyat. Apabila kesejahteraan asas rakyat terjamin, ekonomi negeri menjadi lebih stabil dan inklusif. Inilah teras kepada pembangunan mampan yang sebenar.

### Kesimpulan

Secara keseluruhan, Bajet Negeri Melaka 2026 memperlihatkan satu pendekatan ekonomi yang berdisiplin, pragmatik dan berpandangan jauh.

Dengan peruntukan yang tersusun kepada sektor produktif, keusahawanan, modal insan, infrastruktur dan tadbir urus, Melaka membuktikan bahawa saiz bukan penentu keupayaan.

Bajet ini bukan sekadar dokumen kewangan tahunan, tetapi satu pelan ekonomi yang berpotensi memperkuh daya tahan negeri dalam jangka pendek dan membina asas pembangunan mampan untuk generasi akan datang. Melaka, meskipun kecil, sekali lagi menunjukkan jiwa besar dalam mengurus ekonomi dan pembangunan negeri.